

Pindaan Perlembagaan untuk elak pertentangan — Ghafar

PETALING JAYA, Jumaat — Naib Presiden Umno, Encik Ghafar Baba mengingatkan, jika pindaan perlembagaan tidak dipersetujui akhir bulan ini bermakna penambahan 22 kerusi Dewan Rakyat tidak dapat dilaksanakan pada Julai depan.

Di samping itu, beliau juga menegaskan, pindaan perlembagaan yang menjadi isu sekarang ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pertentangan antara rakyat dengan Raja-Raja pada masa akan datang.

Pemimpin veteran Umno itu berkata demikian ketika berucap menjelaskan beberapa faktor berhubung pindaan perlembagaan di Perhimpunan Agung Khas Pergerakan Pemuda Umno di Dewan Sivik di sini, pagi ini.

Encik Ghafar hadir da-

lam perhimpunan agung itu mewakili Majlis Tertinggi Umno bersama Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, dan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim.

Menurut beliau, pindaan penambahan kerusi adalah lebih penting lagi bagi kepentingan politik Barisan Nasional masa depan.

Republik

Katanya, parti pembangkang memang mahu supaya tidak ada perubahan kerusi dalam 10 tahun ini kerana ia merugikan politik mereka sendiri.

Oleh itu, mereka menggunakan isu pindaan perlembagaan yang menyentuh kedaulatan Raja-Raja semata-mata untuk menyorokkan muslihat sebenarnya.

"Saya menyeru saudara-saudara supaya menyembahkan ke sultan masing-masing kedudukan sebenar mengenai isu perlembagaan itu tanpa menyentuh peribadi baginda," kata Encik Ghafar.

Beliau menerangkan, pindaan perlembagaan terhadap Fasal 66 (5) dan Fasal 150 itu tidak sama sekali merampas kuasa Raja sejajar dengan sistem demokrasi yang diamlalkan.

Katanya, pindaan perlembagaan itu tidak sedikit membenarkan negara ini bertukar menjadi sebuah republik seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak.

"Negara republik hanya dapat didirikan di negara ini jika perlembagaan yang ada sekarang digantung melalui pembontakan," tegas beliau.

Tetapi, katanya, selagi perlembagaan yang ada

sekarang wujud selagi itulah keutuhan dan kedaulatan Raja akan dipertahankan.

Beliau membidas golongan-golongan yang menakutkan Raja dan rakyat dalam pindaan perlembagaan itu kerana menurutnya, "perbuatan itu boleh merosakkan perpaduan dan kestabilan negara ini."

Menyentuh

Encik Ghafar menerangkan, pindaan perlembagaan ini adalah untuk menjamin Raja terus kekal memerintah sehingga 300 tahun akan datang kerana katanya, "jika pindaan ini tidak dibuat sudah tentu pertelagahan terus akan berlaku dan ini memungkinan kewujudan sistem Raja di negara ini akan dipersoalkan di satu masa kelak."

Menurutnya, pertelingkahan itu mungkin

dapat di atasi sekarang tetapi di masa akan datang mungkin tidak dapat dibendung, seperti juga beliau tidak dapat memberi jaminan terhadap tindak-tanduk anak cucunya terhadap Raja di masa akan datang.

Beliau menolak dakwaan setengah-setengah golongan yang menyatakan hidup mati Melayu bergantung kepada 9 orang Raja tetapi katanya, hidup mati Melayu bergantung kepada semua bangsa Melayu.

Menurutnya lagi, kaum lain tidak akan dapat memerintah di negara ini jika tidak mendapat sokongan penuh dari orang Melayu sendiri.

Oleh itu, segala dakwaan yang menakutkan mengenai pindaan perlembagaan ini tidak patut diterima kerana kita masih mempertahankan institusi sistem Raja di negara ini.